

MASALAH DAN ISU PENDIDIKAN PADA ERA PEMERINTAHAN RAJA BROOKE DI SARAWAK

Suffian Mansor, Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus, Julina Ottot*

Abstrak

Walaupun perkembangan pendidikan Barat telah diperkenalkan di Sarawak pada era pemerintahan Raja Brooke namun ia mempunyai kelemahan. Masalah besar dalam hal ini ialah pendidikan yang diperkenalkan ini tidak mempunyai objektif mengapa ia diwujudkan. Malahan James Brooke membiarkan perkembangan pendidikan ini secara bebas. Beliau sendiri telah meminta agar pihak mubaligh sendiri datang ke Sarawak untuk membangunkan pendidikan di Sarawak. Selepas itu muncul pula sekolah Vernakular Melayu dan Cina. Perkembangan ini mencerminkan tentang kegagalan pemerintahan Brooke untuk melahirkan pendidikan kebangsaan. Walaupun ada usaha untuk menubuh Government Lay School tetapi ia mengalami kegagalan. Selain itu kegagalan ini juga berlaku dalam setiap aliran persekolah yang diwujudkan itu. Artikel ini akan cuba mencungkil dan menganalisis beberapa masalah dan isu pendidikan yang muncul pada era Brooke. Perbincangan akan menjuruskan kepada setiap aliran sekolah yang wujud di Sarawak. Kaedah kajian perpustakaan digunakan dalam kajian dan penulisan ini. Bahan-bahan primari seperti file-file kerajaan dan Sarawak Gazette menjadi rujukan utama dalam penulisan ini. Tambahan daripada itu kajian ini akan menggunakan bahan-bahan sekunder terutama buku-buku ilmiah tentang pendidikan Sarawak sebagai menyokong fakta-fakta dan hujahan dalam penulisan ini. Dapatan daripada kajian ini menunjukkan bahawa pendidikan Sarawak di bawah pemerintahan Brooke telah berkembang tanpa arah teratur bagi mewujudkan modal insan untuk membangunkan Sarawak.

Kata Kunci: SPG, Margerat Brooke, Sekolah Kampung Gersik, Orang Dayak, Madrasah Melayu

* Dr Suffian Mansor adalah pensyarah kanan di Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa, Universiti Kebangsaan Malaysia. Dr Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus adalah pensyarah kanan di Jabatan Sejarah, Universiti Malaya. Julina Ottot adalah pelajar doktof falsafah di Jabatan Sejarah, Universiti Malaya.

Abstrak

Although the development of Western education was introduced in Sarawak during the reign of King Brooke, it had weakness. The main problem is the education was introduced without any reason why the education was held. Even James Brooke allowed the development of this education freely. He himself has requested that the missionaries themselves come to Sarawak to develop education in Sarawak. After that, Malay and Chinese Vernacular schools appeared. This development reflects the failure of Brooke's government to produce national education. Although there was an effort to establish a Government Lay School but it failed. In addition, this failure also occurs in every school system that is created. This article will try to unearth and analyze some of the problems and issues of education that appeared in Brooke's era. The discussion will focus on every type of school that exists in Sarawak. Library research methods are used in this research and writing. Primary materials such as government files and Sarawak Gazette are the main reference in this writing. In addition to that, this study will use secondary materials, especially academic books about Sarawak education to support the facts and arguments in this writing. Findings from this study show that Sarawak education under Brooke's administration had developed without a systematic direction to create human capital to develop Sarawak.

Keyword: SPG, Margerat Brooke, Sekolah Kampung Gersik, The Dayak, Madrasah Melayu

Pengenalan

Pendidikan merupakan salah satu aspek penting dalam kehidupan manusia. Secara mudahnya pendidikan ini berkembang secara tidak formal dan formal. Bagi Sarawak, pendidikannya telah lama wujud dengan asas pendidikan al Quran (kursus bagi orang Islam) dan pendidikan tidak formal yang diberi oleh keluarga mereka untuk meneruskan kehidupan. Apabila James Brooke menguasai Sarawak, pendidikan di Sarawak mula diserapkan dengan pendidikan barat. Sekolah mula muncul sebagai salah satu kesan pengaruh barat ini. Namun demikian pada peringkat awal Brooke tidak memberi penekanan penting kepada pendidikan di Sarawak. Oleh itu pendidikan di Sarawak tumbuh dengan sendirinya dengan sokongan daripada golongan mubaligh, pegawai kerajaan, saudagar-saudagar Cina dan juga pembesar Melayu. Dalam hal ini juga Brooke tidak mempunyai dasar pendidikan jelas untuk penduduk Sarawak. Ini kerana Brooke mengambil pendekatan bahawa pemerintahan mereka di Sarawak adalah bersifat amanah. Dalam hal ini Brooke sedaya upaya tidak mengganggu budaya penduduk tempatan khususnya masyarakat Dayak. Sikap Brooke ini membawa kepada beberapa isu pendidikan yang besar dan membawa masalah kepada penduduk Sarawak. Isu ini termasuklah ketiadaan satu dasar untuk mendidik penduduk Sarawak kepada satu aliran kebangsaan. Ketiadaan sistem pendidikan kebangsaan ini telah membawa kepelbagaian pendekatan pendidikan di Sarawak berdasarkan jenis-jenis sekolah yang diwujudkan. Hal ini membawa

ketidak seimbangan dalam taraf pendidikan setiap jenis sekolah. Tambahan daripada itu muncul juga masalah-masalah tertentu yang melemahkan perkembangan sekolah ini seperti ketiadaan guru, guru terlatih yang kurang, kurikulum tidak seragam, kemudahan pendudukan yang kurang dan bantuan kewangan yang berbeza-beza. Dalam membicarakan hal ini artikel ini akan cuba memperincikan beberapa isu yang timbul dalam pendidikan di Sarawak dalam zaman pemerintahan Raja Brooke. Dalam hal ini akan ditinjau dahulu jenis-jenis aliran pendidikan yang ada di Sarawak ketika itu.

Pendidikan Pelbagai Cabang

Seperti yang dinyatakan tadi pendidikan di Sarawak ini tidak dipandu dengan dasar yang jelas di Sarawak. Brooke seolah-olah membiarkan pendidikan ini tumbuh dan berkembang sendiri. Hal ini boleh dilihat dalam aspek peruntukan kewangan kerajaan terhadap pendidikan. Jadual 1 dibawah menunjukkan bagaimana pihak kerajaan tidak meletakkan pendidikan sebagai agenda utama mereka.

Jadual 1: Belanjawan Pendidikan di Sarawak

Tahun	Bantuan Pendidikan	Belanjawan Keseluruhan	Peratusan Belanjawan
1876	\$1860	\$130000	1.4
1909	7176	901172	0.8
1917	22927	1359746	1.6
1926	83384	4650506	1.9
1938	100117	4272140	2.3

Sumber: Sabihah Osman, *Perkembangan Pelajaran Bumiputera Sarawak, 1841-1941*, hlm.123

Jadual I ini menunjukkan peruntukan untuk pendidikan untuk kemajuan pendidikan di Sarawak adalah dibawah 2.5 peratus walaupun menampakkan peningkatan sesetengah tahun. Apa yang ditunjukkan dalam jadual itu adalah pendidikan tidak mendapat perhatian utama daripada kerajaan Brooke.

Sikap yang memandang ringan terhadap pendidikan di Sarawak ini akhirnya pendidikan di Sarawak berpecah tiga. Tiga bentuk pendidikan ini adalah pendidikan mubaligh, venakular Melayu dan Cina. Tumbuhnya ketiga-tiga bentuk pendidikan ini tanpa dipandu oleh dasar pendidikan Brooke. Golongan mubaligh kristian mengambil peluang daripada kehadiran Brooke di Sarawak untuk memberi khidmat bakti mereka kepada rakyat Sarawak dalam usaha menyebarkan ajaran Kristian. Bagi pemerintah Brooke, mereka tidak menentang kehadiran golongan mubaligh ini. Malah mereka mendapat sokongan daripada kerajaan dalam aspek pemberian tanah untuk membina bangunan pejabat dan tapak sekolah. Walau bagaimanapun Brooke memberi syarat kepada golongan ini harus tidak mengganggu keharmonian kebudayaan asal penduduk Sarawak. Atas kebenaran ini maka berlumba-lumba golongan mubaligh daripada pelbagai gerakan mission menubuh sekolah mereka. Jadual II

ini menunjukkan pertubuhan mission yang bergerak di Sarawak dan beberapa sekolah yang mereka tubuh.

Jadual II : Beberapa buah sekolah mubaligh di Sarawak

No.	Gerakan Mubaligh	Sekolah
1	<i>Society for the Propagation of the Gospel (SPG)</i>	St. Thomas, St. Mary, Garland School, Kuching, St. James, Kuap dan St. John, Merdang.
2	<i>Roman Catholic Mission (RC)</i>	St. Joseph dan St. Teresa, Kuching, Sacred Heart, Sibu.
3	<i>American Methodist, the Seventh Day Adventist Mission</i>	Sunny Hills School, Kuching.

Manakala pendidikan sekolah vernakular Melayu pula muncul pada tahun 1880an. Margerat Brooke iaitu isteri Raja Charles Brooke memainkan peranan dalam menyedar pembesar Melayu untuk memberi pendidikan formal bagi anak-anak orang Melayu. Malahan usaha Margerat ini lebih kepada usaha mendidik golongan perempuan untuk bersekolah. Namun demikian usaha mendirikan pendidikan anak perempuan ini tidak begitu berjaya tetapi sebaliknya membawa kepada pendidikan untuk kanak-kanak Melayu. Usaha ini digerakkan oleh Datu Bandar Abang Mohammed Kassim yang membina sekolah Abang Mohammed Kassim di Kuching.¹ Seterusnya beberapa lagi sekolah vernakular Melayu ditubuhkan seperti Sekolah Kampung Gersik, Sekolah Permaisuri dan Sekolah Encik Buyong. Usaha mendirikan sekolah ini juga datang dari keazaman penduduk tempatan sendiri. Hal ini boleh dilihat dengan usaha gotong-royong orang Melayu di Sibu untuk mendirikan sekolah pada tahun 1887.²

Orang Melayu di Sarikei pula meminta agar pihak kerejajaan membina sekolah untuk mereka.³ Dalam perkembangan pendidikan bersifat sekular ini telah memberi kesan penting dalam kemunculan pendidikan Islam di Sarawak. Masyarakat India Muslim memainkan peranan dalam mendirikan pendidikan ini di Masjid India, Kuching. Pendidikan Islam ini kemudiannya mendapat sokongan dalam kalangan pembesar Melayu dan golongan agama di Sarawak. Akhirnya pendidikan berlandaskan Islam muncul pada tahun 1928. Sebuah madrasah didirikan di Kuching yang dikenali sebagai Madrasah al-Islamiah.

Manakala masyarakat Cina juga mempunyai sekolah vernakular Cina tersendiri. Sekolah-sekolah ini tumbuh dengan sokongan daripada masyarakat mereka sendiri. Kepesatan pembangunan pendidikan sekolah Cina ini muncul pada awal abad ke-20. Beberapa buah sekolah dialek Cina telah muncul seperti *Hokkien Free School*, *Ming Teck School*, *Yik Kuan School* (Kuching) dan *Chung Hua School* (Sibu). Orang Dayak juga mempunyai hasrat

1 Craig Alan Lockard, *From Kampung to City: A Social History of Kuching Malaysia, 1820-1970*, Monographs in International Studies Southeast Asia Series Number 75. Athens, Ohio, 1987, hlm.64.

2 Sarawak Gazette, 12 May 1887, hlm.74.

3 Sarawak Gazette, 1 November 1928, hlm.240.

untuk mendirikan sekolah vernakular Dayak. Usaha ini digerakkan oleh penduduk Iban di Bahagian Kedua dan Hulu Rejang. Usaha mereka ini hanya berjaya mewujudkan sebuah sekolah Dayak pada akhir pemerintahan Brooke.⁴ Namun demikian sekolah ini tidak panjang usianya. Ia terpaksa ditutup sekitar tahun 1930an.

Penubuhan sekolah-sekolah yang pelbagai rupa ini menunjukkan pihak pemerintah Brooke tidak mempunyai dasar pendidikan yang jelas. Malahan pendidikan bukanlah keutama dalam pendidikan zaman Raja Brooke. Bagi pemerintahan Brooke pendidikan Barat akan memusnahkan budaya masyarakat pribumi dan gaya hidup mereka.⁵ Brooke hanya membiarkan pendidikan ini tumbuh secara bebas. Oleh itu dasar untuk menyatukan atau sekurang-kurangnya mendekati kesemua sekolah-sekolah ini tidak dilakukan. Hanya kemudiannya kesedaran untuk menyatukan penduduk Sarawak ini diwujudkan *Government Lay School* pada tahun 1903. Namun sekolah ini juga menemui kegagalan. Hal ini akan dibicarakan dalam bahagian seterusnya. Oleh itu sepanjang pemerintahan Brooke pendidikan di Sarawak tidak mempunyai asas-asas membina jati diri penduduk Sarawak dan gagal menemui keseragaman dalam berdiri anak bumi Sarawak.

Peranan kerajaan Brooke dalam membetulkan pendidikan Sarawak hanya muncul daripada idea Raja Charles Brooke. Beliau mempunyai rancangan untuk mendirikan sekolah kebangsaan pertama di Sarawak. Namun teras kepada idea ini adalah budaya kaum masing-masing harus dijaga dan dipelihara. Oleh itu *Government Lay School* ditubuhkan di Kuching untuk memenuhi cita-cita ini. Sekolah ini mewujudkan beberapa kelas mengikut bahasa ibunda mereka. Namun demikian perkembangan pendidikan di sekolah ini menghadapi masalah sejak awal penubuhannya. Sambutan penduduk Sarawak tidak menyakinkan terhadap keupayaan sekolah ini. Akhirnya beberapa bahagian kelas bahasa ibunda ditutup. Bahagian mengajar Bahasa Tamil mula mengalami kemerosotan pelajarannya dan ditutup pada tahun 1911. Keadaan yang sama juga berlaku keatas bahagian mengajar Bahasa Cina. Bahagian ini juga terpaksa ditutup pada tahun 1920. Hanya bahagian bahasa Melayu kekal mendapat sambutan pelajar Melayu. Akhirnya sekolah ini digabungkan dengan Sekolah Kampung Jawa pada tahun 1931. Gabungan sekolah ini membawa kepada kemunculan Madrasah Melayu pada Jun 1931.⁶ Kegagalan sekolah ini menunjukkan bahawa pihak kerajaan Brooke sudah terlambat membetulkan pendidikan di Sarawak. Perkembangan pendidikan yang bebas sudah berakar umbi sejak abad ke-19 menghalang berlakunya usaha penyatuan kebangsaan di Sarawak.


Perkembangan pendidikan yang berbeza-beza ini walaupun menampakkan satu perkembangan baik dari segi kebebasan pendidikan tetapi ia membawa kepada perbezaan kemajuan pendidikan di kalangan penduduk Sarawak. Kebiasaannya sekolah-sekolah ini tidak mewakili keseluruhan kaum-kaum di Sarawak. Sekolah vernakular Melayu dan Cina misalnya secara umumnya didokong sebahagian besarnya oleh kaum-kaum ini sahaja. Oleh itu nampak perbezaan dalam aspek pertumbuhan sekolah-sekolah ini. Rajah III dibawah ini menerangkan bagaimana terdapat jumlah pertumbuhan berbeza-beza antara sekolah-sekolah ini. Isu perkembangan pelbagai aliran sekolah ini memberi kesan sehingga kehari ini. Hal ini dapat dilihat dengan mundulnya dua aliran persekolahan di Sarawak.

4 Syed Idrus Syed Ahmad dan R. Santhiram, *Perkembangan Pendidikan di Sarawak*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990, hlm.94.

5 Colin N. Criswell, *Rajah Charles Brooke: monarch of He Surveyed*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1978, hlm.144

6 Sarawak Gazette, 2 March 1931, hlm.47.

Rajah III : Bilangan Sekolah bagi empat jenis aliran sekolah di Sarawak pada tahun 1931



Sumber: Diubah suai daripada *CO802/2 Sarawak: Administration Report for 1932*, hlm.12.

Permasalahan Sekolah Mubaligh

Telah dinyatakan tadi bahawa terdapat tiga cabang pendidikan di Sarawak. Dua daripada jenis sekolah ini menyediakan pendidikan khusus kepada penduduk bumiputera iaitu Sekolah Mubaligh dan Sekolah Melayu. Dalam usaha mendidik anak bumiputera ini, sekolah mubaligh tidaklah hanya mempunyai matlamat mendidik semata-mata. Tujuan utama mereka adalah untuk mengembangkan ajaran Kristian kepada penduduk bumiputera Sarawak. Oleh itu sejak awal kedatangan mereka di Sarawak, orang Melayu memandang negatif akan keikhlasan golongan mubaligh ini untuk memberi pendidikan kepada penduduk Sarawak. Oleh itu sekolah mubaligh ini pada awalnya gagal mendapat sokongan daripada orang Melayu.

Atas sebab itu golongan mubaligh ini telah mensasarkan pendidikan mereka kepada penduduk bumiputera bukan Islam. Namun demikian kesungguhan mereka untuk mengerjakan pendidikan dalam usaha menyebarkan ajaran Kristian sering mendapat kritikan. Ini kerana gerakan mereka kebanyakan tertumpu di Kuching. Hal ini boleh dilihat dengan peranan SPG yang mendirikan sekolah mereka di Kuching iaitu St. Thomas pada tahun 1876.⁷ Pada penghujung abad ke-19, Sekolah St. Thomas berjaya mendaftar seramai 150 orang pelajar. Namun demikian jikalau dibandingkan dengan sekolah-sekolah mereka di luar Kuching, mereka hanya berjaya mendaftar 38 orang pelajar sahaja.⁸ Dalam hal ini Rev. E. H. Gomes menyatakan terdapat tiga halangan utama dalam usaha mereka mendidik dan menyebarkan Kristian di kawasan luar bandar, Tiga halangan utama itu adalah:-

- a. Kekurangan peruntukan dan kakitangan untuk mengerjakan usaha pendidikan mereka di luar Kuching.

⁷ CO1045/493 Report of education in Sarawak by R. W. Hammond.

⁸ Syed Idrus Syed Ahmad dan R. Santhiram, *Perkembangan Pendidikan di Sarawak*, hlm.84.

- b. Kesukaran mereka untuk menyakinkan ibubapa penduduk Dayak akan peluang anak mereka untuk mencari pekerjaan.
- c. Corak hidup penduduk orang Dayak yang mengamalkan aktiviti pertanian pindah yang menyukarkan sekolah-sekolah mendapat pelajar.⁹

Dalam usaha golongan mubaligh mengukuhkan usaha pendidikan dan penyebaran Kristian ini timbul kritikan-kritikan atas usaha mereka ini. Perdebatan mula muncul dalam *Sarawak Gazette* tentang usaha mubaligh ini. Golongan yang mengkritik usaha mubaligh ini menyatakan bahawa usaha pendidikan yang digerakkan oleh mubaligh ini telah lari daripada landasan asal kerajaan. Ini kerana penekanan aspek akademik telah menyebabkan pelajar-pelajar ini tidak dapat menyesuaikan diri mereka dalam aspek pekerjaan tradisional.

Mereka yang mengkritik ini menyatakan bahawa usaha dilakukan oleh mubaligh ini sepatutnya menekankan lebih kepada aspek praktikal daripada akademik. Oleh itu mereka menyarankan bahawa penekanan dalam sekolah-sekolah mubaligh ini perlu menjurus kepada kraftangan, pertanian dan pertukangan selain dalam aspek agama Kristian.¹⁰ Namun demikian pihak yang menyokong usaha mubaligh ini menyatakan usaha mereka tidak mengganggu budaya masyarakat tempatan. Malahan mereka yang mendapat pendidikan mubaligh ini juga dapat mengelak daripada ditipu dan diperdaya dalam bidang perniagaan. Rev. Gomes yang merupakan penyokong kuat gerakan mubaligh ini berpendapat bahawa pendidikan golongan mubaligh ini telah berjaya dalam aspek mengekalkan kehidupan asal mereka dan menjadi seorang Kristian. Malahan menurut beliau lagi usaha yang digerakkan oleh golongan mubaligh ini telah memperkukuhkan sifat dan pendirian mereka selain membuang perkara-perkara karut serta menyemai perasaan rajin dan sabar dalam kalangan orang Dayak. Tambahan daripada itu Rev. Gomes berpandangan bahawa orang Dayak yang terdidik daripada gerakan mubaligh mereka ini telah dapat membantu penyebaran ajaran Kristian dalam kalangan penduduk Dayak yang lain.¹¹ Golongan yang menentang terus menerus menyatakan bangkangan mereka akan keperluan pengajaran Inggeris dalam kalangan penduduk Dayak. Bagi mereka apa yang akan berlaku adalah keluarnya pelajar yang tidak mendapat pekerjaan yang sesuai dengan apa yang mereka pelajari. Kenyataan ini dibangkang oleh Rev. Linton. Beliau mengambil contoh bekas pelajar Sekolah St. Augustine. Betong yang mana ada dalam kalangan mereka telah berjaya menjawat jawatan dalam perkhidmatan kerajaan dan ada juga yang kembali ke tempat asal untuk meneruskan tradisi asal kaum mereka.¹²

Orang Melayu-Melanau dalam Pendidikan

Bagi pendidikan orang Melayu, perkembangan pendidikan mereka banyak disokong oleh sekolah vernakular Melayu dan ada juga mereka masuk ke sekolah mubaligh. Perkembangan sekolah vernakular Melayu ini mengalami kepesatan dan membangun di kawasan Kuching khususnya pada tahun-tahun 1930an. Beberapa sekolah vernakular Melayu baharu mula muncul pada sekitar tahun-tahun 1930an. Sekolah-sekolah ini adalah Sekolah Merpati Jepang,

9 Ibid.

10 Ibid., hlm.85.

11 Ibid, hlm.85-86.

12 Ibid., hlm.86.

Sekolah Permaisuri, Sekolah Mata-mata dan Sekolah Kubu. Kesemua sekolah ini didirikan pada tahun 1930.¹³ Sekolah Permaisuri merupakan satu kemajuan dalam sekolah vernakular Melayu kerana ia merupakan khas untuk golongan wanita. Satu lagi kemajuan yang dicapai di dalam pendidikan orang Melayu adalah kewujudan Madrasah Melayu. Seperti dinyatakan lebih awal tadi Madrasah Melayu merupakan gabungan antara *Government Lay School* dan Sekolah Kampung Jawa. Walaupun *Government Lay School* merupakan satu kegagalan bagi kerajaan tetapi penubuhan Madrasah Melayu menunjukkan pendidikan orang Melayu dipertingkatkan ke satu aras lebih tinggi dari pendidikan rendah. Ini kerana pembelajaran di Madrasah Melayu adalah meliputi kejuruteraan asas, ilmu ukur, latihan guru, perhutanan, pertanian dan kesihatan.¹⁴ Walaupun pendidikan Sekolah Vernakular Melayu tumbuh dengan pesat di Kuching namun demikian minat ibu-bapa orang Melayu menghantar anak mereka ke sekolah tidak selari dengan perkembangan ini. Hal ini boleh ditunjukkan pada bilangan kehadiran mereka di sekolah-sekolah ini. Jadual 2 dibawah menunjukkan jumlah bilangan pelajar di sekolah-sekolah Melayu.

Jadual 3: Pendaftaran Murid Sekolah Kg. Jawa dan Kg. Gersik sejak Tahun 1883

Tahun	Sekolah Kg. Jawa	Sekolah Kg. Gersik	Jumlah
1883	70	-	70
1889	117	-	117
1894	112	56	168
1897	89	41	130
1909	67	57	124

Sumber: Sabihah Osman, *Perkembangan Pelajaran Bumiputera Sarawak, 1841-1941*, hlm.49 dipetik daripada *Sarawak Gazette* 1 Mei 1883, 1 Ogos 1894. Julai 1879 dan Julai 1908.

Jadual diatas memaparkan bagaimana kanak-kanak yang mendaftar di sekolah vernakular Melayu pada awalnya menunjukkan semangat tinggi di Sekolah Kg. Jawa tetapi bilangannya menurun secara mendadak pada tahun 1897 dan terus menurun pada tahun 1909. Manakala semangat Encik Abu Bakar yang membuka Sekolah Kg. Gersik tidak sama dengan sambutan anak-anak Melayu untuk mendaftar di sekolah tersebut. Ini kerana selepas tiga tahun ditubuhkan pendaftaran di sekolah ini merosot. Pendaftaran pelajar di sekolah ini kemudiannya naik pada tahun 1909. Fenomena yang berlaku di dua sekolah ini menunjukkan terdapat perkara yang tidak kena dengan perkembangan sekolah-sekolah ini. Isu kemerosotan pendaftaran ini cuba ditangani dengan memperkenalkan pengajaran agama Islam dan jawi di sebelah pagi. Manakala di Sekolah Kg. Gersik pula matapelajaran bahasa Inggeris mudah diperkenalkan. Walaupun ada usaha-usaha ini dibuat namun pelajar-pelajar yang mendaftar masih lagi merosot.

13 CO802/2 Sarawak: Administration Report for 1926, hlm.44.

14 Mohammad Hasbie Sulaiman, *Perjuangan Anti-Cession Sarawak*, Kuching: Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak, 1987, hlm.22.

Menurut Sabihah Osman kemerosotan atau turun naiknya pendaftaran ini kerana kurang minat ibubapa menghantar anak mereka untuk belajar di dalam pendidikan sekular, tiada kerjasama antara ibubapa dalam penghantaran kanak-kanak ini ke sekolah. Namun dua masalah awal tadi membelenggu perkembangan sekolah-sekolah ini.¹⁵ J. E. A. Lewis diberi tugas untuk menyiasat perkara tersebut dan mengakui bahawa minat ibubapa yang kurang dalam memberi pendidikan anak-anak mereka. Selain itu kerjasama antara ibubapa dengan guru yang tidak ada juga membawa isu kurangnya kedatangan pelajar ke sekolah.¹⁶ Manakala laporan pada tahun 1917 pula menyatakan bahawa bilangan bilik darjah yang banyak sedangkan pelajar yang kurang menyebabkan masalah dalam kelicinan perjalanan pentadbiran dan pengajaran di sekolah-sekolah tersebut. Laporan ini juga menambah bahawa mutu pembelajaran Bahasan Melayu dan Inggeris yang rendah juga merupakan punca kepada kemerosotan ini.¹⁷

Sebab-sebab yang diberi tadi mempunyai kebenarannya tetapi terdapat sebab yang sama berlaku keatas kegagalan *Government Lay School*. Perkara ini telah dijelaskan tadi bahawa sekolah ini mengalami kegagalan untuk menarik pelajar-pelajar dari pelbagai kaum. Satu persatu kelas bahasa ditutup dan yang tinggal hanyalah kelas bahasa Melayu. Walaupun idea sekolah ini baik tetapi jumlah kemasukan pelajarinya agak turun naik. Pada peringkat awal kemasukan pelajar ini pada tahun 1904 adalah 103 orang, dan berkurangan kepada 102 orang dan 43 orang pada tahun 1905 dan 1906 masing-masing. Namun ia meningkat dari tahun 1908 sehingga 1915. Apa yang ketara dalam hal ini ialah bilangan pelajar Cina juga menunjukkan pendaftaran yang mengalakkan tetapi berkurangan dari tahun 1915 hingga 1917. Pada tahun 1921 pula tiada pelajar yang mendaftar di *Government Lay School*.¹⁸

Hal ini menyebabkan kelas bahasa Cina termasuk juga kelas bahasa Tamil ditutup. Bagi masyarakat Cina, sekolah yang dianjurkan oleh kerajaan ini tidak diyakinkan oleh masyarakat tersebut. Hal ini merujuk kepada mutu pengajaran bahasa Inggeris di sekolah tersebut. Oleh itu mereka lebih suka menghantar anak-anak mereka ke sekolah mubaligh. Isu kedua yang timbul adalah sudah adanya sekolah Cina. Oleh itu sebilangan masyarakat Cina akan menghantar anak mereka ke sekolah Cina. Hal ini menyebabkan kemerosotan pelajar Cina di sekolah tersebut. Sementara itu permasalahan yang berlaku dalam kalangan pelajar Melayu pula adalah peluang mereka untuk mendapat pekerjaan. Rata-rata ibubapa Melayu melihat perkembangan di sekolah itu tidak memberi makna apa-apa pada masa depan anak-anak mereka. Ini kerana peluang pekerjaan dalam sektor perkhidmatan kerajaan yang terbatas dan kebanyakan dimonopoli oleh anak-anak pembesar Melayu. Oleh itu tidak perlulah dihantar anak-anak mereka ke sekolah kerana mereka akan kembali ke kampung dan menjadi nelayan dan petani yang lebih baik daripada ibubapa mereka sahaja.¹⁹

Dalam hal ini pemerintahan Brooke mempunyai falsafah pendidikan keatas orang Melayu bahawa orang Melayu diberi pendidikan hanya sebagai usaha memberi ruang kepada mereka mengisi masa lapang dan akan kembali semula sebagai petani.²⁰ Apa yang menariknya

15 Sabihah Osman, *Perkembangan Pelajaran Bumiputera Sarawak, 1841-1941*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990, h.48.

16 Ibid., hlm.49.

17 Ibid., hlm.49-50.

18 Ibid., hlm.53 dipetik daripada SG 2 Ogos 1904, 2 Ogos 1905, 1 Julai 1908, 1 Julai 1908, 1 Julai 1910, 1 Julai 1911, 1 Julai 1915, 1 Ogos 1917 dan 1 Disember 1921.

19 Ibid., hlm.57.

20 Ooi Keat Gin, *Dunia Di Seberang Sungai: Pendidikan Di Sarawak Dari Zaman Pemerintahan Brooke hingga ke pentadbiran Pejabat Tanah Jajahan*, Pulau Pinang: Penerbit USM, 2001, hlm.18.

pendidikan orang Melayu ini hanyalah untuk memberi peluang kepada mereka untuk membaca dan menulis serta sedikit arimatik yang mudah sudah memadai.²¹ Oleh itu pendidikan untuk anak-anak Melayu ini hanyalah pendidikan rendah dan mengutamakan pendidikan praktikal seperti pertanian dan kesihatan. Sering dilaung-laung oleh pemerintahan Raja-raja Brooke bahawa pendidikan ala-Barat ini akan merosakkan budaya dan sifat orang Melayu. Menurut mereka lagi pendidikan ala-Barat ini akan menjadikan mereka berbudaya barat dan lupa asal-usul mereka. Tambahan lagi mereka ini akan menjadi orang berkelakuan tidak baik.²² Hal ini menyebabkan pendidikan orang Melayu di sekolah vernakular Melayu sentiasa ditahap rendah dan gagal melahirkan sumber tenaga manusia yang berguna untuk Sarawak. Peluang pekerjaan pula didominasi golongan tertentu. Pihak kerajaan Brooke pula tidak mempunyai cita-cita membesarkan dan mempelbagaikan sektor pekerjaan di Sarawak. Atas sebab inilah menampakkan kelemahan dalam sistem pendidikan di kalangan orang Melayu. Disebalik hujah-hujah yang dilontar oleh raja-raja Brooke ini tentang pendidikan untuk orang Melayu sebab utama mereka bukannya masalah perubahan sikap dan budaya orang Melayu tetapi mereka mempunyai kebimbangan tentang bangkitnya golongan berpendidikan yang akan menuntut pelbagai pembaharuan dalam negeri Sarawak. Akhirnya akan berlaku penentangan keatas pemerintahan mereka di Sarawak.²³

Sikap kerajaan Brooke sebegini menyebabkan perkembangan sekolah-sekolah orang Melayu tidak berkembang pesat. Hal ini ternyata benar berlaku di kawasan luar bandar. Masalah utama dalam pendidikan di sekolah vernakular Melayu di luar Kuching adalah prestasi pelajar yang rendah dan kemerosotan dalam kehadiran. Pada tahun 1931 sekolah di Spaoh dan Betong ditutup. Manakala Sekolah Melayu Sadong yang dibuka pada tahun 1925 mendapat sambutan hanya 37 orang. Sekolah ini mula mengalami kemerosotan pelajar dan ditutup tiga tahun selepas penubuhannya. Di Bau pula sekolah Melayunya tidak menunjukkan kemajuan kerana pentadbirannya yang tidak licin.²⁴ Isu yang timbul daripada sekolah-sekolah Melayu di luar Kuching ini adalah pelbagai. Pertama kekurangan sambutan pelajar yang menyebabkan beberapa buah sekolah terpaksa ditutup. Hal ini telah dijelaskan diatas tadi dimana beberapa sekolah telah ditutup. Fenomena penutupan sekolah ini akibat kemerosotan pelajar ini berterusan di sekolah Melayu di Bintulu. Sekolah yang dibuka pada tahun 1912 ini terpaksa ditutup akibat kekurangan pelajar.²⁵ Dalam hal ini pihak pemerintah Brooke menyalahkan orang Melayu kerana minat mereka kurang untuk menerima pendidikan. Hal ini dijelaskan dalam *Blue Report 1935*.²⁶

Namun demikian laporan Hammond memberi petunjuk tentang hal ini dengan menyatakan bahawa masalah ini berpunca daripada peranan guru di sekolah-sekolah tersebut. Seperti di Tanah Melayu juga adalah umur persekolahan di sekolah-sekolah di Sarawak tidak seragam. Ada pelajar tua dan ada pelajar muda di dalam satu-satu kelas. Atas sebab ini ada

21 S. Baring-Gould, and C. A. Bampfylde, *A History of Sarawak Under Its Two White Rajahs 1839-1908*, Kuala Lumpur: Synergy Media, 2007, hlm.479.

22 Ooi Keat Gin, *Dunia Di Seberang Sungai: Pendidikan Di Sarawak Dari Zaman Pemerintahan Brooke hingga ke pentadbiran Pejabat Tanah Jajahan*, hlm.19.

23 Ibid., hlm.20.

24 Sabihah Osman, *Perkembangan Pelajaran Bumiputera Sarawak, 1841-1941*, hlm.59.

25 Ibid.

26 Ooi Keat Gin, *Dunia Di Seberang Sungai: Pendidikan Di Sarawak Dari Zaman Pemerintahan Brooke hingga ke pentadbiran Pejabat Tanah Jajahan*, hlm. 51.

kecenderungan para guru untuk memberi tumpuan kepada satu-satu kumpulan sahaja. Hal ini membawa kepada pelajar tidak dilayan tersebut akan bosan. Manakala fenomena kedua berlaku apabila buku yang dibekalkan tidak mencukupi. Oleh itu apabila buku-buku ini telah habis dibaca maka timbul kebosanan pelajar-pelajar ini di sekolah.²⁷

Namun demikian isu utama dalam hal ini adalah minat untuk belajar dan peluang masa depan pelajar tersebut. Seperti dinyatakan tadi peluang yang terbatas untuk bekerja dalam sektor kerajaan menyebabkan ibubapa ini tidaklah berminat untuk mengalakkan anak-anak mereka ke sekolah. Tambahan daripada itu mutu pengajaran yang rendah, guru tidak berpengalaman dan tidak terlatih menyebabkan tidak mungkin anak-anak yang bersekolah ini mendapat peluang pekerjaan lain selain daripada pekerjaan ibu bapa mereka sebagai petani dan nelayan.²⁸ Apabila usaha membaiki masalah ini dilakukan dengan memperkenalkan perkara amali seperti teknik perikanan, cara menanam sagu dan mengambil getah jelutong telah menarik minat pelajar di Bintulu untuk mendaftar di sekolah itu semula apabila sekolah Melayu itu dibuka semula. Bilangan pelajarnya sehingga tahun 1930 telah meningkat kepada 115 orang pelajar.²⁹

Laporan Harmond ini juga menyatakan beberapa perkara perlu dilakukan untuk membangunkan Sekolah Vernakular Melayu seperti berikut;

1. Memerlukan panduan daripada orang Eropah (Barat),
2. Melatih guru yang telah mencapai tahap pendidikan tertentu.
3. Buku teks hendaklah dibekalkan dengan baik dan pelbagai.
4. Gaji yang lebih baik untuk guru yang terlatih dan cekap.³⁰

Cadangan ini dibuat setelah melihat beberapa kekurangan dalam perkembangan pendidikan vernakular Melayu di Sarawak. Kenyataan dalam laporan Hammond ini mempunyai kebenarannya. Ini kerana kekurangan guru terlatih menyebabkan kerugian kepada pendidikan di Sekolah Vernakular Melayu. Hal ini boleh dilihat dengan masalah kekurangan guru di Sekolah Permaisuri.³¹

Reaksi Orang Dayak Pada Pendidikan

Orang Dayak sebahagian besarnya tinggal di kawasan luar bandar dan pendalaman merupakan etnik Sarawak yang mahir dalam kehidupan bertani dan mendapat hasil hutan. Mereka ini mendapat pendidikan daripada ibu bapa mereka. Orang tua mereka termasuk datuk dan nenek mereka akan memberi pelbagai pengajaran dari soal adat, cerita-cerita pengajaran sehingga berburu dan bercucuk tanam.³² Aktiviti seumpama ini menjadi satu lumrah dalam pendidikan anak-anak Dayak. Manakala kedatangan Brooke membawa satu perkembangan baharu dalam

27 Ibid., 51-52.

28 Ibid., hlm.52.

29 Sabihah Osman, *Perkembangan Pelajaran Bumiputera Sarawak, 1841-1941*, hlm.59.

30 CO1045/493 Report of education in Sarawak by R. W. Hammond.

31 Sarawak Gazette, 3 January 1933, hlm.10.

32 Vinson H. Sutlive Jr, *Tun Jugah of Sarawak: Colonialism and Iban Response*, Kuching: Sarawak Literary Society, 1992, hlm.47 dan 49.

pendidikan anak-anak Dayak. Anak-anak Dayak ini mula mengikuti pendidikan formal. Mereka mula mengenal sekolah sebagai satu tempat mereka untuk mendapat pendidikan dan belajar dengan kanak-kanak pelbagai latarbelakang. Anak-anak Dayak ini kebanyakannya mendapat pendidikan daripada sekolah mubaligh. Golongan mubaligh mempunyai matlamat untuk menyebarkan ajaran Kristian di kalangan penduduk Dayak.

Namun demikian pengenalan pendidikan dalam kalangan orang Dayak ini tidak mendapat reaksi yang mengalakkan. Golongan mubaligh gagal memujuk ibubapa kaum Dayak ini untuk membawa anak-anak mereka ke sekolah. Ada juga situasi dimana anak-anak yang bersekolah ini melarikan diri ke rumah panjang.³³ Hal ini membawa kepada beberapa buah sekolah ditutup. Usaha Reverend Willian Henry Gomez yang cuba membuka sekolah di Lundu pada tahun-tahun 1850an ternyata gagal menarik minat penduduk Dayak mengikuti pendidikan di sekolah tersebut. Akhirnya sekolah itu telah ditutup pada tahun 1904. Kegagalan ini juga berterusan di Ta'e dan Bunuk. Isu utama di sekolah-sekolah mubaligh ini adalah kehadiran anak-anak Dayak ini tidak mengalakkan. Kehadiran semakin merundum apabila musim menuai menjelang. Antara sebab yang dinyatakan bahawa pendidikan yang mereka terima itu tidak mendatangkan faedah untuk mereka mendapatkan pendapatan. Lebih baik bagi anak-anak Dayak ini membantu ibubapa mereka dalam kerja-kerja seharian sama ada bertani atau melakukan aktiviti pemburuan.³⁴ Fenomena ini menjadi isu utama dalam pembangunan pendidikan anak-anak Dayak. Oleh kerana tidak melihat faedah masa depan maka pendidikan ini dianggap sebagai tidak berguna. Dalam hal ini masalah ini bukan datang semata-mata dari pemikiran orang Dayak itu sahaja tetapi tujuan pendidikan diberi kepada anak-anak Dayak ini. Golongan mubaligh yang mempunyai matlamat mengkristian penduduk ini menyebabkan pendidikan yang diberi bersifat rendah dan tidak mampu untuk melahirkan modal insan yang berketrampilan. Akhirnya matlamat ini tidak dapat menarik sebilangan besar anak-anak Dayak untuk bersekolah di Sekolah Mubaligh.

Namun demikian ini tidak bermakna bahawa orang Dayak tidak menerima pendidikan moden. Pemimpin tradisional Iban misalnya mempunyai kesedaran luas tentang perlunya pendidikan ini kepada masyarakatnya. Atas sebab itu pemimpin Dayak mula membuka sekolah mereka sendiri untuk mengajar anak-anak Dayak ini. Hal ini boleh dilihat di Di Ulu Gaat apabila Rumah Penghulu Grinang menjadi pusat pendidikan belajar membaca dan menulis bahasa Iban.³⁵ Hal ini menunjukkan bahawa pendidikan dalam kalangan orang Dayak juga pada tahap yang mengalakkan tetapi tahap pendidikannya yang agak rendah.

Kekangan Pendidikan Orang Cina

Oleh kerana tiada kawalan yang berkesan, pertumbuhan sekolah vernakular Cina tumbuh dengan bebas. Walaupun perkembangan ini dilihat sebagai satu perkembangan yang sihat tetapi pada pertengahan tahun 1920an, ia menimbulkan kerisauan oleh pihak pemerintah Brooke. Ini kerana apa yang berlaku di China mempengaruhi orang Cina di Sarawak. Kerajaan

33 Ooi Keat Gin, *Dunia Di Seberang Sungai: Pendidikan Di Sarawak Dari Zaman Pemerintahan Brooke hingga ke pentadbiran Pejabat Tanah Jajahan*, hlm.99.

34 Ibid., hlm.100.

35 Sarawak Gazette, 1 April 1927, hlm.154.

China mengambil langkah yang besar untuk mengiktiraf orang Cina seberang laut sebagai warganegara China. Hal ini boleh dirujuk pada pengenalan Undang-undang Kewarganegaraan yang dikeluarkan pada 1909.³⁶ Keterikatan hubungan antara orang Cina di Sarawak dengan China dicerminkan dengan pendidikan orang Cina di Sarawak. Revolusi 1911 memberi impak yang lebih berkesan keatas pengaruh China ini. Semangat kecinaan ini seterusnya disemarakkan lagi dengan pengaruh Koumintang ke Sarawak.³⁷ Hal ini membimbangkan pihak pemerintah Brooke.

Koumintang mensasarkan sekolah Cina sebagai pusat menanam semangat kecintaan pada negara China. Oleh itu sekolah-sekolah Cina di Sarawak yang dahulu menggunakan dialek masih-masih mula menukarnya kepada bahasa Mandarin. Penggunaan bahasa Mandarin merupakan salah satu ciri utama pembaharuan bahasa di China. Penggunaan bahasa Mandarin mencerminkan penyatuan rakyat Cina termasuk di luar negara. Pihak kerajaan Brooke bertindak cepat dengan mengharamkan penggunaan bahasa Mandarin di sekolah. Namun demikian usaha untuk menaikkan rasa cinta kepada negara China juga dapat dilihat dengan kanak-kanak Cina menyanyikan lagu kebangsaan Cina. Manakala kanak-kanak Cina juga mengadakan kawat menggunakan senapang mainan pada temasya sukan. Sementara itu buku-buku teks sekolah Cina juga dibawa masuk dari Shanghai.³⁸ Untuk mengatasi masalah ini Jabatan Pendidikan ditubuhkan pada tahun 1924. Jabatan ini berfungsi untuk mengawal sekolah Cina dengan menawar bantuan kewangan. Usaha ini tidak berjaya menarik sokongan di semua sekolah-sekolah Cina. Hanya sebahagian kecil sahaja sekolah ini menerima bantuan daripada pihak kerajaan.³⁹ Pada tahun 1938 pula terdapat 70 sekolah Cina menerima bantuan. Jumlah ini adalah separuh dari sekolah Cina yang ada di Sarawak.⁴⁰

Pengaruh dari China ini juga mula membawa masuk pengaruh komunis. Hal ini menjadikan pihak kerajaan mula memikirkan usaha membenters unsur ini. Setiausaha Hal-ehwal Cina mula diwujudkan untuk mengawasi perkembangan terbaharu ini. Kajian dan penyiasatan rapi mula dibuat terhadap sekolah-sekolah Cina. Penyiasatan ini juga tertumpu pada bahan bacaan di sekolah Cina. Bahan-bahan pengajaran di sekolah-sekolah Cina ini datang dari China. Menerusi buku-buku ini semangat kebangsaan China cuba diterapkan kepada anak-anak Cina di Sekolah Cina Sarawak. Beberapa buku teks di Sekolah Cina telah diharamkan oleh pihak kerajaan. Untuk memperkukuhkan kawalan keatas sekolah-sekolah Cina ini maka disarankan agar buku sejarah Sarawak dalam bahasa Cina diguna pakai di sekolah Cina. Selain itu sekolah-sekolah Cina mendapat khidmat guru-guru dari China yang mempunyai kualiti pendidikan yang lebih tinggi dari guru-guru Cina kelahiran Sarawak. Pada tahun 1935, terdapat kira-kira 154 guru Cina yang berdaftar dengan hanya 54 orang sahaja yang merupakan orang Cina yang lahir di Sarawak.⁴¹

36 Leo Suryadinata, *Pribumi Indonesia, the Chinese Minority and China*, Singapore: Heinemann Asia, 1992, hlm.51 dari Tsai Chutung, 'The Chinese Nationality Law, 1909', in *American Journal of International Law*, Vol.4 (1910), hlm.404-411.

37 Koumintang adalah sebuah parti politik di China dibawah pimpinan Sun Yat-sen. Koumintang telah berjaya membantu mengulingkan Dinasti Ch'ing pada tahun 1911. Kejayaan Koumintang ini telah menambat hati orang Cina seberang laut. Sokongan orang Cina seberang laut dilihat dengan bantuan kewangan untuk menayakan misi pembaharuan dan pemodenan selain menentang penjajah asing di China.

38 Syed Idrus Syed Ahmad dan R. Santhiram, *Perkembangan Pendidikan di Sarawak*, hlm.95.

39 Ibid.

40 CO802/2 Sarawak: Administration Report for 1935, hlm.25.

41 CO802/2 Sarawak: Administration Report for 1935, hlm.25.

Hal ini memberi kelebihan kepada perkembangan sekolah-sekolah Cina tetapi dicurigai oleh pihak Brooke. Ini kerana guru-guru dari China ini bukan sahaja memberi khidmat kepada anak-anak Cina Sarawak di sekolah Cina tetapi mempunyai semangat kebangsaan yang tinggi dari China. Hal inilah menjadi salah satu isu yang membimbangkan pihak kerajaan. Rajah Vyner pernah menyatakan rasa kekesalannya terhadap sikap tidak bertanggung jawab para guru-guru Cina ini. Beliau menyatakan bahawa guru-guru Cina ini menyampaikan idea-idea revolusi di sesetengah sekolah Cina.⁴² Isu ini juga membimbangkan Jawatankuasa pengurusan sekolah Cina. Ini kerana guru-guru ini membawa trend pendidikan moden dari Cina dan lari dari landasan pendidikan yang berteraskan Konfusius yang mendapat sokongan ahli jawatankuasa pengurusan sekolah Cina.⁴³ Untuk mengatasi masalah ini maka pada tahun 1938 usaha juga dibuat untuk melatih guru-guru Cina kelahiran Sarawak.⁴⁴

Kesimpulan

Sebagai rumusannya, pendidikan di zaman Brooke mengalami banyak permasalahan. Ketiadaan polisi tetap dan berkesan untuk membangunkan anak bumi Sarawak menyebabkan pendidikan di Sarawak ini dalam kecelaruan. Dasar utama kerajaan Brooke yang tidak mahu mengganggu budaya masyarakat tempatan terutama orang Dayak menyebabkan perkembangan pendidikan di Sarawak menghadapi masalah. Namun demikian kerajaan Brooke pada peringkat awal cuba meletakkan perkembangan pendidikan ini kepada orang perseorangan dan pertubuhan agama. Hal ini walaupun membawa kepada kesan pertumbuhan sekolah namun golongan ini tidak mempunyai dana yang cukup untuk membangunkan sekolah-sekolah di Sarawak. Malahan sikap kerajaan yang tidak menyediakan peluang pekerjaan yang secukupnya menyebabkan timbul rasa acuh tidak acuh penduduk bumiputera untuk bersekolah. Ibubapa bumiputera melihat pendidikan yang diberi tidak mempunyai masa depan yang baik. Malahan ia mengganggu guna tenaga keluarga itu untuk mengerjakan tanah untuk kehidupan mereka.

Atas sebab ini maka sekolah-sekolah yang dibangunkan itu gagal mengekalkan kehadiran pelajar yang ramai. Malahan ada yang ditutup kerana ketiadaan pelajar. Kebebasan yang diberi oleh kerajaan Brooke juga membawa kepada kemunculan tiga aliran pendidikan yang tidak seragam. Hal ini membawa isu untuk mendidik anak-anak Sarawak dari pelbagai latarbelakang untuk duduk bersama dalam satu aliran sekolah. Hal ini membawa kepada kegagalan kerajaan dalam melahirkan satu aliran pendidikan kebangsaan. Hal ini diburukkan lagi dengan standart pendidikan berbeza-beza antara tiga aliran ini. Sekolah mubaligh menjadi pilihan utama kerana ia memberi ruang kepada peluang pekerjaan kepada anak-anak Sarawak. Manakala aliran Melayu dan Cina hanya memenuhi kepentingan kaum-kaum ini sahaja dan peluang mereka agak terbatas dalam merebut peluang pekerjaan di Sarawak. Manakala sekolah Cina mempunyai isu berbeza dengan sekolah-sekolah bumiputera. Sikap keterbukaan Brooke membiarkan sekolah-sekolah ini tumbuh tanpa kawalan menyebabkan mereka risau apabila terdapat unsur-unsur kebangsaan Cina cuba diserapkan dari negara China.

42 Ooi Keat Gin, *Dunia Di Seberang Sungai: Pendidikan Di Sarawak Dari Zaman Pemerintahan Brooke hingga ke pentadbiran Pejabat Tanah Jajahan*, hlm.73.

43 Ibid., hlm.69.

44 Syed Idrus Syed Ahmad dan R. Santhiram, *Perkembangan Pendidikan di Sarawak*, hlm.96.

Kelemahan pemerintahan Brooke dalam mendirikan pendidikan kebangsaan ini juga memberi kesan kepada perkembangan modal insan di Sarawak. Hanya sebahagian kecil sahaja penduduk Sarawak yang berpengetahuan dan tahu membaca dan menulis. Oleh itu apabila berlaku isu penyerahan Sarawak kepada British, rata-rata penduduk Sarawak gagal memahami kesan daripada penyerahan tersebut. Akhirnya semangat nasionalisme Sarawak gagal menaik ketahap menyeluruh di Sarawak. British yang mewarisi sistem pendidikan zaman Brooke ini juga cuba untuk membangunkan pendidikan anak-anak Sarawak kearah lebih hadapan dan bersiap sedia untuk pemerintahan sendiri juga gagal mencapai matlamat ini sepenuhnya. Hal ini menjadi salah satu tuntutan penting bagi pemimpin Sarawak untuk menyertai pembentukan Malaysia.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan sejuta penghargaan dan ribuan terima kasih kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia kerana telah memberikan sejumlah dana untuk menjalankan kajian sejarah pembentukan Malaysia dan Perjanjian Malaysia 1963 di bawah geran FRGS/1/2022/SSI08/UKM/02/1 yang bertajuk “Membangunkan Pelan Pengukuhan Integrasi Nasional Menerusi Perjanjian Malaysia 1963”.

RUJUKAN

- Baring-Gould, S., and C. A. Bampfylde, *A History of Sarawak Under Its Two White Rajahs 1839-1908*, Kuala Lumpur: Synergy Media, 2007.
- CO1045/493 Sarawak-Hammond report on education – 1937.
- CO802/2 Sarawak: Administration Report for 1926.
- CO802/2 Sarawak: Administration Report for 1935.
- Leo Suryadinata, *Pribumi Indonesia, the Chinese Minority and China*, Singapore: Heinemann Asia, 1992, hlm.51 dari Tsai Chutung, 'The Chinese Nationality Law, 1909', in *American Journal of International Law*, Vol.4 (1910).
- Lockard, Craig Alan, *From Kampung to City: A Social History of Kuching Malaysia, 1820-1970*, Monographs in International Studies Southeast Asia Series Number 75. Athens, Ohio, 1987.
- Mohammad Hasbie Sulaiman, *Perjuangan Anti-Cession Sarawak*, Kuching: Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak, 1987.
- Ooi Keat Gin, *Dunia Di Seberang Sungai: Pendidikan Di Sarawak Dari Zaman Pemerintahan Brooke hingga ke pentadbiran Pejabat Tanah Jajahan*, Pulau Pinang: Penerbit USM, 2001.
- Sabihah Osman, *Perkembangan Pelajaran Bumiputera Sarawak, 1841-1941*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990.
- Sabihah Osman, *Perkembangan Pelajaran Bumiputera Sarawak, 1841-1941*, hlm.59.
- Sarawak Gazette, 12 May 1887.
- Sarawak Gazette, 1 April 1927.
- Sarawak Gazette, 1 November 1928.
- Sarawak Gazette, 2 March 1931.
- Sarawak Gazette, 3 January 1933.
- Sutlive Jr, Vinson H. *Tun Jugah of Sarawak: Colonialism and Iban Response*, Kuching: Sarawak Literary Society, 1992.
- Syed Idrus Syed Ahmad dan R. Santhiram, *Perkembangan Pendidikan di Sarawak*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990.